

Kesepaduan Sosial dalam Kalangan Pelajar Universiti

Tan Tien Chee¹, Mohd Syariefudin Abdullah²

^{1,2}Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim
35900, MALAYSIA

*tantienchee@yahoo.com.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.02.003>

Received 2 December 2021; Accepted 14 December 2021; Available online 31 December
2021

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pola kesepaduan sosial yang merangkumi tiga etnik utama di Malaysia iaitu Malayu, Cina dan India. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Responden kajian ini adalah seramai 491 orang mahasiswa dan mahasiswi. Data yang diperoleh menunjukkan pola kesepaduan sosial wujud dengan kukuh dalam kalangan pelajar. Kesepaduan sosial yang kuat wujud dalam dimensi kekitaan, keterangkuman, pengiktirafan dan kesaksamaan. Kesepaduan sosial dalam dimensi legitimasi berbentuk sederhana manakala rapuh dalam dimensi penyertaan. Implikasi kajian yang dapat diketahui pula ialah keadaan hubungan etnik yang baik dapat memupuk kesepaduan sosial seterusnya mengukuhkan pembinaan negara bangsa.

Kata kunci: Kesepaduan sosial, pelajar universiti, pembinaan negara bangsa

Abstract: This study was conducted to examine social cohesion among students in Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The aim of this study is to understand the social cohesion pattern among students that include three main ethnics in Malaysia which are Malays, Chinese and Indians. The methodology used in this study was quantitative method research by using questionnaire instrument. The respondents of this study were 491 students from the Malay, Chinese and Indian ethnics. The data obtained show that strong social cohesion pattern exists among students. Strong social cohesion exists in the dimensions of belonging, insertion, recognition and equality. Social cohesion in the legitimacy dimension is moderately shaped while fragile in the participation dimension. The implication of the study shows that a good state of ethnic relations can foster social cohesion and further strengthen nation building.

Keywords: Social cohesion, university students, nation building

1. Pengenalan

*Tan Tien Chee: tantienchee@yahoo.com.my

2021 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs

Isu pembinaan negara bangsa, hubungan etnik, kesepaduan sosial dan perpaduan adalah saling berkait rapat antara satu sama lain. Setiap negara sememangnya menginginkan perpaduan yang baik dalam kalangan rakyat untuk membina sebuah negara bangsa yang kuat. Perpaduan yang sebenar masih belum tercapai dan sememangnya bukan mudah. Akan tetapi, pembinaan negara bangsa bukanlah satu usaha yang mudah untuk dilakukan.

Konsep pembinaan negara bangsa pula mula dibincangkan pada tahun 1990-an apabila Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengutarakan idea Wawasan 2020 dalam ucapannya pada 28 Februari 1991 [1]. Mohd Syariefudin Abdullah et al. (2009, ms. 4) [1] menjelaskan bahawa “konsep negara bangsa secara ilmiah bolehlah menjurus kepada sebuah negara yang berdaulat dengan rakyatnya hidup bersatu padu tanpa dipisahkan oleh sentimen perkauman, keturunan, agama, bahasa, budaya, daerah dan sebagainya yang dilihat boleh membawa kepada perpecahan”.

Satu konsep baru yang dibawa masuk pada tahun 2000-an iaitu kesepaduan sosial telah mula dibincangkan oleh pakar-pakar bidang hubungan etnik tempatan seperti Shamsul Amri Baharuddin dan Mansor Mohd. Noor. Konsep ini lebih banyak digunakan sekarang untuk membincangkan isu hubungan etnik di Malaysia selain daripada konsep integrasi dan perpaduan.

Perpaduan merupakan proses penyatuan dari semua aspek seperti fizikal, sosial, ekonomi dan politik tetapi bukan biologikal. Integrasi pula merangkumi semua aspek dalam perpaduan dan termasuk aspek biologikal [2]. Perpaduan merupakan satu elemen dalam pembinaan negara bangsa.

2. Konsep Kesepaduan Sosial

Masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai etnik. Sekarang, konsep masyarakat majmuk ini sedang berubah kepada masyarakat kepelbagaian. Slogan perpaduan dalam kepelbagaian dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat. Slogan ini menerangkan keupayaan manusia yang berbeza-beza dapat hidup dalam sebuah masyarakat. Manusia perlu hidup secara bersama dengan kelompok sosial yang berbeza. Oleh itu, manusia mesti mencari jalan supaya perbezaan ini tidak menjadi penghalang untuk hidup secara aman [3].

Walau bagaimanapun, slogan perpaduan dalam kepelbagaian ini masih belum dicapai dan merupakan harapan yang masih diperjuangkan. Perpaduan yang diidamkan masih belum wujud dan merupakan gambaran masyarakat yang sempurna kerana perpaduan ini ialah kesamaan atau kesatuan yang bermaksud satu bangsa, agama, bahasa dan negara. Sebenarnya, kebanyakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk ini sedang berada dalam kesepaduan dan bukannya perpaduan. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012) [3], kesepaduan ialah suatu fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang mempengaruhi anggota masyarakat untuk merangkai ikhtiar dan kegiatan yang dianggap sebagai prasyarat dalam mencapai perpaduan.

Jika berlakunya konflik atau pertelingkahan dalam masyarakat akibat perbezaan sosial, anggota masyarakat akan mencari jalan penyelesaian dengan segera melalui rundingan. Rundingan ini akan menghasilkan persetujuan, kompromi dan tolak ansur. Keadaan ini tidak bermakna konflik itu telah selesai tetapi terkawal kerana mereka secara amnya menolak keganasan sebagai jalan penyelesaian. Paksi utama kesepaduan sosial ialah kemakmuran ekonomi yang seterusnya mendukung kestabilan politik [3].

Kesepaduan sosial digunakan untuk memahami hubungan etnik bukan bermaksud tidak ada konflik wujud. Hal ini demikian kerana kesepaduan sosial sudah wujud dalam jangka masa yang panjang sejak wujudnya interaksi antara masyarakat pelbagai etnik. Usaha perlu dilakukan untuk memastikan perpaduan yang diidami dapat dicapai. Pandangan kesepaduan sosial merupakan pandangan yang lebih positif jika dibandingkan dengan pandangan konflik [3].

Jenson (1998) [4] telah mengemukakan lima dimensi untuk membincangkan dan mengukur kesepaduan sosial. Lima dimensi tersebut ialah kekitaan-pengasingan, keterangkuman-peminggiran, penyertaan-pasif, pengiktirafan-penolakan dan legitimasi-tidak sah. Kemudiannya, Bernard (1999) [5] telah menambah satu lagi dimensi iaitu kesaksamaan-ketidaksamaan dengan menggolongkan kepada tiga aspek utama. Aspek tersebut ialah aspek ekonomi, politik dan sosiobudaya.

Dimensi keterangkuman-peminggiran merujuk kepada kuasa pasaran. Isu yang dibincangkan ialah persoalan tentang siapa yang diterima atau dipinggirkan dalam menyertai ekonomi. Dimensi kesaksamaan-ketidaksaksamaan pula menerangkan kesepaduan sosial tidak harus dilihat dari kesamarataan peluang tetapi untuk mengurangkan ketidaksaksamaan. Dimensi-dimensi ini berada dalam aspek ekonomi [5].

Dimensi legitimasi-tidak sah merujuk menyatakan bagaimana sesebuah institusi seperti kerajaan dan persatuan dapat mewakili rakyat dan menangani konflik. Dimensi penyertaan-pasif pula berkaitan dengan penglibatan rakyat terhadap tadbir urus negara atau dalam kegiatan politik. Kedua-dua dimensi ini berada dalam aspek politik [5].

Dimensi pengiktirafan-penolakan mengiktiraf dan bertoleransi terhadap kepelbagaian sosial yang wujud dalam masyarakat. Dimensi kekitaan-pengasingan menunjukkan perkongsian nilai-nilai masyarakat dan kewujudan seseorang individu sebagai ahli dalam sesebuah komuniti. Dimensi-dimensi ini diletakkan dalam aspek sosiobudaya [5].

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan penyelidikan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat. Pendekatan yang digunakan pula ialah kajian tinjauan. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji hanya satu kaedah sahaja iaitu melalui borang soal selidik. Pengumpulan data yang dilakukan adalah bersifat semasa.

3.2 Populasi dan Sampel

Populasi yang ditentukan dalam kajian ini ialah mahasiwa dan mahasiswi dari etnik Melayu, Cina dan India sahaja yang mengambil kursus Hubungan Etnik (HNS 2012) semasa Semester 2 bagi Sesi 2017/2018 di UPSI. Populasi ini mempunyai seramai 2146 orang. Menurut data daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik UPSI (2018), seramai 2550 pelajar telah mendaftar kursus ini. Penentuan bilangan sampel yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970) [6]. Berdasarkan saiz populasi, sampel yang diperlukan dalam kajian ini ialah sekurang-kurangnya 322 orang responden. Pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah iaitu melibatkan semua pelajar yang hadir bagi sesi kuliah tersebut.

3.3 Instrumen

Hanya satu instrumen sahaja yang digunakan dalam kajian ini iaitu instrumen soal selidik. Jenis Skala soal selidik yang dihasilkan oleh pengkaji ialah skala Likert. Soal selidik ini mempunyai 24 item. Terdapat enam dimensi yang digunakan iaitu dimensi kekitaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan, legitimasi dan kesaksamaan. Item-item ini dibina dengan merujuk kepada kajian Khairol Anuar Kamri (2014) [7].

4. Dapatan Kajian

4.1 Etnik Responden

Jadual 1 menunjukkan majoriti responden terdiri daripada etnik Melayu iaitu seramai 69 peratus. Etnik India merupakan etnik kedua terbesar iaitu seramai 16 peratus. Etnik Cina merupakan etnik yang terkecil dalam kajian ini iaitu seramai 15 peratus sahaja. Peratus pembahagian etnik di UPSI tidak begitu sama dengan pembahagian etnik di Malaysia.

Jadual 1: Etnik Responden

Etnik	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Melayu	340	69
Cina	72	15
India	79	16
Jumlah	491	100

4.2 Dimensi Kekitaan

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan, data kajian menunjukkan bahawa kesepaduan sosial dalam dimensi kekitaan terbina kuat dalam kalangan responden. Jurang perbezaan peratusan jawapan antara etnik wujud dalam dua pernyataan. Etnik India mempunyai kesepaduan sosial yang paling tinggi dalam dimensi kekitaan berbanding dengan etnik Melayu dan diikuti dengan etnik Cina.

Pernyataan membantu jiran dari etnik lain yang ditimpa kesusahan mendapat peratusan tertinggi iaitu 95 peratus bagi etnik Cina, 88 peratus bagi etnik India dan seterusnya 83 peratus bagi etnik Melayu. Keadaan ini menunjukkan majoriti responden sangat bertimbang rasa untuk membantu tanpa mengira etnik. Peratusan terendah pula dijumpai dalam mengundang rakan dari pelbagai etnik jika ada keraian. Etnik Cina mempunyai peratusan terendah iaitu 38 peratus diikuti dengan etnik Melayu seramai 54 peratus dan seterusnya etnik India seramai 58 peratus. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan responden berasa sukar untuk menyediakan makanan yang sesuai bagi etnik lain.

Jurang peratusan yang besar dijumpai dalam pernyataan sedih jika jiran dari etnik lain meninggal dunia. Jurang ini wujud antara etnik India iaitu seramai 92 peratus dengan etnik Cina seramai 66 peratus dan etnik Melayu seramai 71 peratus. Jurang peratusan juga wujud dalam pernyataan selesa tinggal di kawasan komuniti multietnik iaitu seramai 89 peratus etnik India, diikuti dengan etnik Cina seramai 76 peratus dan seterusnya etnik Melayu seramai 73 peratus. Keadaan ini menunjukkan etnik India mempunyai hubungan yang lebih kuat tanpa mengira etnik jika dibandingkan dengan etnik Melayu dan etnik Cina.

Jadual 2: Dimensi Kekitaan (%)

Dimensi/Etnik	Melayu	Cina	India
Jawapan Setuju/Positif sahaja			
Sedih jika jiran dari etnik lain meninggal dunia	66	71	92
Membantu jiran dari etnik lain yang ditimpa kesusahan	83	88	95
Selesa tinggal di kawasan komuniti multietnik	73	76	89
Mengundang rakan dari pelbagai etnik jika ada keraian	54	38	58

4.3 Dimensi Keterangkuman

Daripada Jadual 3, kesepaduan sosial dalam dimensi keterangkuman pula terbina dengan agak baik. Jurang peratusan antara etnik wujud tetapi tidak begitu besar. Jika dibandingkan mengikut etnik, etnik Melayu mempunyai kesepaduan sosial yang paling tinggi dalam dimensi keterangkuman, diikuti oleh etnik India dan kemudiannya etnik Cina.

Etnik Melayu menyumbang peratusan jawapan tertinggi iaitu 73 peratus dalam pernyataan peluang pekerjaan di jabatan kerajaan terbuka kepada seluruh etnik manakala 53 peratus daripada etnik Cina dan 60 peratus daripada etnik India. Etnik Melayu juga menyumbang 73 peratus dalam pernyataan keterbukaan sektor perkhidmatan menguntungkan semua pihak diikuti oleh etnik India seramai 61 peratus dan etnik Cina seramai 60 peratus. Keadaan ini menunjukkan peluang pekerjaan dan keterbukaan sektor perkhidmatan wujud kepada semua etnik tetapi etnik Melayu mendapat lebih peluang berbanding dengan etnik Cina dan India.

Dalam sektor pendidikan pula, etnik Melayu turut menyumbang peratusan jawapan tertinggi berbanding dengan etnik Cina dan India. Seramai 72 peratus etnik Melayu, 61 peratus etnik Cina dan 62 peratus etnik India merasakan keterbukaan sektor pendidikan menguntungkan setiap etnik. Bagi pernyataan sistem meritokrasi dalam pendidikan memberi kebaikan kepada semua etnik pula, seramai 59 peratus etnik Melayu, 54 peratus etnik Cina dan 58 peratus etnik India berpendapat sedemikian. Keadaan ini menunjukkan sektor pendidikan memberikan kebaikan kepada semua etnik tetapi mempunyai kekangan tertentu bagi etnik Cina dan etnik India.

Jadual 3: Dimensi Keterangkuman (%)

Dimensi/Etnik	Melayu	Cina	India
Jawapan Setuju/Positif sahaja			
Peluang pekerjaan di jabatan kerajaan terbuka kepada seluruh etnik	73	53	60
Keterbukaan sektor perkhidmatan menguntungkan semua pihak	73	60	61
Keterbukaan sektor pendidikan menguntungkan setiap etnik	72	61	62
Sistem meritokrasi dalam pendidikan memberi kebaikan kepada semua etnik	59	54	58

4.4 Dimensi Penyertaan

Secara keseluruhan, data kajian dalam Jadual 4 menunjukkan kesepaduan sosial dalam dimensi penyertaan adalah rapuh kecuali dalam pernyataan penyertaan aktiviti persatuan dan badan kebajikan. Jurang peratusan etnik yang besar juga wujud dalam pernyataan tersebut. Kesepaduan sosial dalam dimensi penyertaan lebih kuat dalam etnik India, diikuti oleh etnik Melayu dan seterusnya etnik Cina.

Kesepaduan sosial dalam dimensi penyertaan adalah paling rapuh dalam pernyataan parti yang berasaskan etnik mempedulikan kebajikan etnik. Hanya 21 peratus etnik Melayu, 15 peratus etnik Cina dan 10 peratus etnik India menyetujuinya. Kesepaduan sosial dalam dimensi penyertaan yang kuat pula dijumpai dalam pernyataan bebas menyertai aktiviti persatuan dan badan kebajikan yang disukai. Jurang peratusan jawapan juga dilihat antara etnik iaitu 74 peratus daripada etnik Melayu, 57 peratus daripada etnik Cina dan 82 peratus daripada etnik India. Keadaan ini menunjukkan hanya etnik Cina yang berasa mereka tidak mempunyai kebebasan untuk menyertai aktiviti persatuan yang disukai.

Jika dilihat dari aspek politik pula, seramai 29 peratus etnik Melayu, 25 peratus etnik Cina dan 37 peratus etnik India merasa bebas sewaktu mengundi pemimpin dan parti politik yang saya sukai. Seramai 38 peratus etnik Melayu, 31 peratus etnik Cina dan 43 peratus etnik India pula merasa bebas berbincang hal politik dengan rakan sepejabat. Situasi ini menunjukkan para responden merasakan mereka tidak mempunyai hak yang secukupnya dalam kebebasan politik.

Jadual 4: Dimensi Penyertaan (%)

Dimensi/Etnik	Melayu	Cina	India
----------------------	---------------	-------------	--------------

Jawapan Setuju/Positif sahaja

Merasa bebas sewaktu mengundi pemimpin dan parti politik yang saya sukai	29	25	37
Merasa bebas berbincang hal politik dengan rakan sepejabat	38	31	43
Bebas menyertai aktiviti persatuan dan badan kebajikan yang saya sukai	74	57	82
Parti yang berasaskan etnik mempedulikan kebajikan etnik lain	21	15	10

4.5 Dimensi Pengiktirafan

Berdasarkan Jadual 5, data kajian menunjukkan kesepaduan sosial dalam dimensi pengiktirafan terbina dengan agak kuat. Jurang peratusan etnik wujud tetapi adalah kecil kecuali dalam pernyataan hak-hak penganut agama. Kesepaduan sosial dalam dimensi pengiktirafan lebih kuat dalam etnik India, diikuti oleh etnik Melayu dan seterusnya etnik Cina.

Jurang perbezaan peratusan jawapan antara etnik didapati adalah terbesar dalam pernyataan perbuatan mempersoalkan hak-hak penganut agama majoriti adalah kurang wajar. Seramai 71 peratus etnik Melayu, 49 peratus etnik Cina dan 70 peratus etnik India berpendapat sedemikian. Peratusan jawapan yang rendah oleh etnik Cina menunjukkan hak-hak penganut agama mereka dipersoalkan. Kesepaduan sosial dalam dimensi pengiktirafan adalah paling kukuh dalam pernyataan majlis sambutan. Seramai 77 peratus etnik Melayu, 86 peratus etnik Cina dan 89 peratus etnik India berasa bangga berada dalam majlis sambutan perayaan etnik lain. Keadaan ini menunjukkan majoriti responden tidak melihat sambutan itu sebagai sambutan sesebuah etnik sebaliknya sambutan bersama.

Selain itu, kesepaduan sosial dalam dimensi pengiktirafan juga kuat dalam pernyataan berbangga sebagai rakyat Malaysia. Seramai 84 peratus etnik Melayu, 78 peratus etnik Cina dan 86 peratus etnik India berasa bangga rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai agama, bahasa, budaya dan etnik. Situasi ini menunjukkan majoriti responden tidak melihat perbezaan antara etnik. Bagi pernyataan undang-undang agama, seramai seramai 67 peratus etnik Melayu, 51 peratus etnik Cina dan 72 peratus etnik India memperakui wujudnya undang-undang berkaitan agama yang berbeza di Malaysia. Etnik India lebih menerima perbezaan undang-undang berkaitan agama berbanding dengan etnik Melayu dan etnik Cina.

Jadual 5: Dimensi Pengiktirafan (%)

Dimensi/Etnik	Melayu	Cina	India
Jawapan Setuju/Positif sahaja			
Perakui wujudnya undang-undang berkaitan agama yang berbeza di Malaysia	67	51	72
Berbangga rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai agama, bahasa, budaya dan etnik	84	78	86
Bangga berada dalam majlis sambutan perayaan etnik lain	77	86	89
Perbuatan mempersoalkan hak-hak penganut agama majoriti adalah kurang wajar	71	49	70

4.6 Dimensi Legitimasi

Daripada Jadual 6, kesepaduan sosial dalam dimensi legitimasi pula terbina dengan sederhana. Jurang peratusan antara etnik tidak begitu besar kecuali dalam dua pernyataan. Jika dibandingkan

mengikut etnik, etnik Melayu mempunyai kesepaduan sosial yang paling tinggi dalam dimensi legitimasi, diikuti oleh etnik India dan kemudiaannya etnik Cina.

Pernyataan banyak berita kepincangan tadbir urus kerajaan diperolehi dari media arus perdana mendapat jumlah peratusan tertinggi iaitu seramai 60 peratus daripada etnik Melayu, 40 peratus daripada etnik Cina dan 71 peratus daripada etnik India. Keadaan ini menunjukkan para responden mendapat berita daripada saluran yang sah. Peratusan jawapan etnik yang terendah pula dijumpai dalam pernyataan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) diberi layanan yang sama oleh kerajaan. Hanya 16 peratus etnik Melayu, 11 peratus etnik Cina dan 14 peratus etnik India berpandangan sedemikian. Situasi ini menunjukkan para individu merasakan hanya sesetengah NGO yang diberi layanan baik oleh kerajaan.

Jurang peratusan jawapan dilihat dalam pernyataan kenaikan kos sara hidup disebabkan kegagalan parti memerintah. Jurang ini dikesan antara 62 peratus etnik Melayu dan 56 peratus etnik India dengan 38 peratus etnik Cina. Etnik Melayu dan etnik India merasakan parti memerintah tidak mampu mengawal kenaikan harga barang dengan baik. Seramai 57 peratus etnik Melayu, 51 peratus etnik Cina dan 49 peratus etnik India pula berpandangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bebas mengkritik kerajaan jika hak asasi rakyat dicabuli. Peratusan ini menunjukkan kebanyakan responden SUHAKAM menjalankan tugasnya dengan baik dan tidak mendiamkan diri untuk menjaga hak asasi rakyat.

Jadual 6: Dimensi Legitimasi (%)

Dimensi/Etnik	Melayu	Cina	India
Jawapan Setuju/Positif sahaja			
SUHAKAM bebas mengkritik kerajaan jika hak asasi rakyat dicabuli	57	51	49
NGO diberi layanan yang sama oleh kerajaan	16	11	14
Banyak berita kepincangan tadbir urus kerajaan saya perolehi dari media arus perdana	60	40	71
Kenaikan kos sara hidup disebabkan kegagalan parti memerintah	62	38	56

4.7 Dimensi Kesaksamaan

Secara keseluruhan, Jadual 7 menunjukkan kesepaduan sosial dalam dimensi kesaksamaan pula terbina dengan agak baik. Jurang peratusan antara etnik tidak begitu besar kecuali dalam pernyataan subsidi kerajaan. Jika dibandingkan mengikut etnik, etnik Melayu mempunyai kesepaduan sosial yang paling tinggi dalam dimensi kesaksamaan, diikuti oleh etnik India dan kemudiaannya etnik Cina.

Kesepaduan dalam dimensi kesaksamaan terbina paling kuat dalam pernyataan kerjasama semua etnik diperlukan bagi mencapai negara maju. Peratusan jawapan antara etnik adalah hampir sama iaitu seramai 82 peratus masing-masing bagi etnik Melayu dan India serta 81 peratus bagi etnik Cina menyetujuinya. Majoriti responden mengutamakan kepentingan kerjasama dalam mencapai sesuatu matlamat tanpa mengira etnik. Pernyataan dasar pembangunan kerajaan menguntungkan semua pihak mendapat peratusan yang rendah iaitu seramai 64 peratus bagi etnik Melayu dan 53 peratus masing-masing bagi etnik Cina dan etnik India. Keadaan ini menunjukkan etnik Cina dan India kurang mendapat keuntungan berbanding dengan etnik Melayu.

Jurang perbezaan peratusan jawapan antara etnik adalah terbesar dalam pernyataan subsidi kerajaan dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira etnik. Seramai 71 peratus etnik Melayu, 46 peratus etnik Cina dan 60 peratus etnik India berpendapat begitu. Menerusi peratusan jawapan tersebut, etnik Cina tidak begitu mendapat subsidi kerajaan berbanding dengan etnik lain. Seterusnya, seramai 62 peratus etnik Melayu, 56 peratus etnik Cina dan 68 peratus etnik India berpendapat jurang kemiskinan di antara

etnik masih ketara. Keadaan ini menunjukkan jurang kemiskinan antara etnik masih wujud dalam dunia moden ini.

Jadual 7: Dimensi Kesaksamaan (%)

Dimensi/Etnik	Melayu	Cina	India
Jawapan Setuju/Positif sahaja			
Jurang kemiskinan di antara etnik masih ketara	62	56	68
Subsidi kerajaan dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira etnik	71	46	60
Dasar pembangunan kerajaan menguntungkan semua pihak	64	53	53
Bagi mencapai negara maju perlukan kerjasama semua etnik	82	81	82

5. Perbincangan

Pola kesepaduan sosial dijelaskan menerusi dimensi kekitaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan, legitimasi dan kesaksamaan. Kesepaduan sosial terbina dengan kuat dalam dimensi kekitaan dan diikuti oleh pengiktirafan. Kesepaduan sosial pula terbina dengan agak baik dalam dimensi kesaksamaan dan seterusnya keterangkuman. Kesepaduan sosial dalam dimensi legitimasi terbina dengan sederhana manakala sangat rapuh dalam dimensi penyertaan.

Dimensi kekitaan dan pengiktirafan tergolong dalam aspek sosiobudaya dalam kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial yang kuat dalam aspek ini menunjukkan para responden sangat mementingkan keharmonian bersama dan kesejahteraan hidup. Mereka tidak melihat atau berkira tentang perbezaan etnik sebaliknya menganggap perbezaan inilah yang dapat mewarnai corak kehidupan. Mereka menerima dan menghormati perbezaan dari segi amalan, kepercayaan dan anutan etnik lain. Ikatan yang kuat dapat dibina tanpa sebarang sikap prasangka. Responden turut memberikan bantuan kepada sesiapa sahaja yang ditimpa kesusahan dan tidak melihat kepada jenis etnik. Bagi kedua-dua dimensi ini, etnik India mempunyai kesepaduan sosial yang paling kukuh, diikuti dengan etnik Melayu dan seterusnya etnik Cina. Kajian Noor Insyirah Abu Bakar (2015) [8] turut mendapati kerjasama wujud dalam kalangan pelajar untuk menyiapkan aktiviti sekolah. Mereka turut menolong kawan yang memerlukan bantuan dalam menyiapkan kerja sekolah tanpa mengira etnik.

Dimensi keterangkuman dan kesaksamaan pula berada dalam aspek ekonomi dalam kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial yang terbina dengan agak baik dalam aspek ini menunjukkan majoriti responden mendapat peluang pekerjaan, bantuan kewangan dan kebajikan dalam menangani kos sara hidup serta pendidikan tanpa melihat perbezaan etnik. Walau bagaimanapun, sesetengah responden berpendapat bahawa peluang ini tidak sampai kepada mereka ataupun golongan yang memerlukan bantuan. Etnik Melayu kelihatan memberikan peratusan jawapan tertinggi bagi setiap soalan dalam dimensi keterangkuman kerana mereka lebih mendapat peluang jika dibandingkan dengan etnik Cina dan India. Hal ini demikian kerana etnik Melayu sememangnya mempunyai hak istimewa yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun, kepentingan etnik Cina dan India juga diambil berat dan dijaga oleh kerajaan. Nur Azuki Yusoff (2015) [9] juga menyatakan sistem ekonomi secara adil dan sistem pendidikan yang dipersetujui perlu dibina untuk mengelakkan konflik serta Perlembagaan Malaysia perlu dihormati. Shamsul Amri Baharuddin (2012) [3] turut menjelaskan bahawa perkara yang biasa dibincangkan ialah rasa tidak puas hati terhadap sistem pendidikan, agihan peluang ekonomi dan pekerjaan yang tidak seimbang. Keadaan ini mampu menjejaskan sesebuah etnik dan juga kelas sosial masyarakat.

Dimensi legitimasi dan penyertaan tergolong dalam aspek politik dalam kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial adalah berbentuk agak rapuh dalam aspek ini. Walaupun majoriti responden berasa bebas untuk menganggotai mana-mana parti politik yang disukai, kebebasan mereka tergugat dalam soal pengundian dan perbincangan tentang isu politik. Hal ini demikian kerana mereka merasakan

pilihan pemimpin yang diundi itu diketahui oleh petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Perkara-perkara yang dibincangkan atau pandangan yang diberikan berkaitan isu-isu politik itu pula boleh dipantau atau diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau Security Offences (Special Measures) Act 2012 (SOSMA), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Hasutan 1948. Walaupun kebanyakan responden menganggap SUHAKAM bebas mengkritik kerajaan apabila hak rakyat dicabuli, mereka berpandangan NGO lain tidak mendapat layanan yang sepatutnya daripada pihak kerajaan. Sebagai contoh, pengerusi Bersih 5.0 iaitu Maria Chin Abdullah telah ditahan di bawah SOSMA selepas perhimpunan Bersih 5.0 pada 19 November 2016 yang memperjuangkan pilihan raya adil dan membanteras rasuah (Syed Jaymal Zahiid, 2016) [10].

Selain itu, kebanyakan responden juga merasakan media arus perdana menyampaikan berita sahih seperti kepincangan tadbir urus kerajaan. Mereka turut bersetuju bahawa peningkatan kos sara hidup disebabkan oleh kegagalan parti pemerintah. Keadaan ini menunjukkan responden didedahkan dengan keadaan politik pada ketika itu dan terbeban dengan cara berpolitik sehingga kurang menjaga tentang kebajikan rakyat. Kajian Mohd Mahadee Ismail et al. (2016) [11] juga menyatakan bahawa individu yang mementingkan diri sendiri dan keadaan politik yang kurang stabil merupakan cabaran yang dihadapi dalam memebetuk identiti nasional iaitu kesepaduan dalam kepelbagaian.

Jika dibandingkan dengan kajian Mohd Sobhi Ishak [12], pola kesepaduan sosial negara adalah lebih kukuh berbanding dengan kajian ini yang menjurus kepada pelajar universiti. Persamaan boleh dijumpai dalam salah satu dimensi iaitu kesepaduan sosial terbina paling kuat dalam dimensi kekitaan bagi kedua-dua kajian [12]. Keadaan ini menunjukkan para responden tidak memandang atau melabel seseorang individu dari segi etnik tetapi memandang dan menerima seseorang individu itu sebagai bangsa Malaysia.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, pola kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar UPSI turut agak kuat khususnya dalam dimensi kekitaan, keterangkuman, pengiktirafan dan kesaksamaan. Dapatan kajian ini menunjukkan kesepaduan sosial adalah lebih kuat dalam aspek sosiobudaya. Majoriti responden mempunyai sifat bangga menjadi rakyat Malaysia kerana Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik. Perbezaan dari segi bahasa, budaya dan agama ini telah mencorakkan kehidupan masyarakat dan menjadi kebanggaan bersama. Walaupun kesepaduan sosial dalam aspek ekonomi dan politik adalah berbentuk sederhana, keadaan ini tidak begitu menjejaskan hubungan etnik dalam kalangan pelajar.

Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] Mohd Syariefudin Abdullah, Mohamad Kamal Kamaruddin & Ahmad Sohaimi Lazim. (2009). *Kenegaraan dan ketamadunan*. Selangor: Oxford Fajar.

- [2] Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. (Ed.). (1997). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- [3] Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [4] Jenson, J. (1998). *Mapping social cohesion: The state of Canadian research*. Ottawa: Canadian Policy Research Networks.
- [5] Bernard, P. (1999). *Social cohesion: A critique*. Ottawa: Canadian Policy Research Networks.
- [6] Krejcie R. W. & D. W. Morgan. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. Diperoleh daripada https://home.kku.ac.th/sompong/guest_speakerKrejcieandMorgan_article.pdf
- [7] Khairol Anuar Kamri. (2014). *Impak etnisiti, tadbir urus dan etika kerja terhadap kesepaduan sosial Polis Diraja Malaysia* (Tesis PhD). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- [8] Noor Insyiraah Abu Bakar. (2015). *Interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan* (Tesis Sarjana Muda). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- [9] Nur Azuki Yusoff. (2015). *Isu dan permasalahan hubungan antara agama di Malaysia kini dan jalan penyelesaiannya*. Diperoleh daripada: <http://umkeprints.umk.edu.my/6256/1/Isu%20Dan%20Permasalahan%20Hubungan%20Antara%20Agama%20Di%20Malaysia.pdf>
- [10] Syed Jaymal Zahiid. (2016, November 19). Maria Chin detained under Sosma. *Malay Mail*. Diperoleh daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/11/19/maria-chin-detained-under-sosma/1253657>
- [11] Mohd Mahadee Ismail, Lee, Y. F., Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Azlina Abdullah & Siaw, B. (2016). Tafsiran harian identiti nasional: Pandangan akar umbi. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), 20-27. Diperoleh daripada <http://www.aensiweb.net/AENSIWEB/rjss/rjss/2016/May/20-27.pdf>
- [12] Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2019). *IPNas: Model Integrasi Kesepaduan Nasional Rakyat Malaysia*. Diperoleh daripada https://www.jpnn.gov.my/sites/default/files/Seminar%20IPNas_Prof.%20Dr%20Mansor%20dan%20PM%20Dr.%20Mohd%20Sobhi.pdf